


Kanta

Pilihanraya Umum ke-13



Terima kasih, Lembah Pantai!



Lima tahun telah berlalu sejak warga Lembah Pantai memilih saya sebagai wakil rakyat untuk mengetengahkan pandangan, harapan dan aspirasi mereka di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia.

Alhamdulillah, lima tahun ini banyak mengajar saya tentang pengorbanan dan erti berkhidmat demi rakyat. Maka warkah ringkas ini saya sediakan sebagai satu imbasan usaha, aktiviti, dan program saya; walaupun pelbagai halangan, dugaan, dan kekangan ditempuh, namun saya bersabar dan istiqamah dalam perjuangan menegakkan keadilan buat warga Lembah Pantai dan rakyat Malaysia amnya.

Saya turut muatkan dalam warkah ini aspirasi dan pandangan saya tentang bagaimana Lembah Pantai boleh dibangunkan dan dimajukan di tahun-tahun yang akan datang, agar semua lapisan masyarakat mampu menikmati kemajuan dan keselesaan hidup di Kuala Lumpur.

Saya percaya, sebagaimana jua kita semua percaya, bahawa Malaysia yang lebih baik mampu kita bangunkan bersama. Sebuah Malaysia yang aman, adil, saksama, prihatin, penyayang, dan memberi ruang untuk semua anak Malaysia mencapai potensi masing-masing.

Saya yakin Lembah Pantai mampu bangkit menjadi Nadi Kota Kuala Lumpur.

Oleh demikian, saya berharap anda akan keluar untuk mengundi 5 Mei ini dan memastikan agenda perubahan yang dimulakan pada 2008 menemui kejayaan sepenuhnya menerusi kemenangan Pakatan Rakyat.

Akhir kata, saya yakin untuk menyatakan bahawa saya telah melakukan terbaik yang mampu dengan penuh keikhlasan demi rakyat.

Yang Berkhidmat,

Nurul Izzah Anwar

Prestasi 2008-2013

- 1 Mengusulkan 5 Rang Undang-Undang Persendirian di Parlimen untuk pulihkan demokrasi, kawal harta rakyat dari salahguna, dan pastikan media adil
- 2 Mengajukan lebih 200 soalan Parlimen berkaitan Lembah Pantai & isu nasional
- 3 Membuka 2 pusat khidmat rakyat di Lembah Pantai
- 4 Mengadakan klinik 'Demi Rakyat' dan khidmat doktor pakar percuma
- 5 Melaksanakan program subsidi efisyen bersama MyKash di mana wang disalur ke dalam MyKad
- 6 Forum pencegahan jenayah yang mencetus peningkatan kehadiran PDRM di Bangsar dan sekitar Lembah Pantai
- 7 Menganjurkan program pusat tuisyen rakyat
- 8 Kehadiran Nurul Izzah dan Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Rakyat pencetus perubahan dan peningkatan mutu perkhidmatan DBKL dan agensi-agensi lain

Berita terkini Nurul Izzah:

- Nurul Izzah Anwar
- @n_izzah
- @n_izzah

Imbasan Aktiviti 2008-2013

Sepanjang 5 tahun Pn Nurul Izzah berkhidmat untuk rakyat bagi parlimen Lembah Pantai, beliau telah berpeluang menjalankan pelbagai aktiviti agar beliau dapat sendiri menilai dan merancang untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada warga Lembah Pantai.

Halaman-halaman berikut mengimbaskan kembali kenangan sewaktu bersama-sama dengan rakyat sepanjang perjuangan beliau di Lembah Pantai.



YB Prihatin Nasib Rakyat

23 Julai 2010 – Nurul Izzah berjumpa dengan para Penjaja Brickfields yang dipindahkan ke Jalan Chan Ah Tong secara sementara. Aduan yang diterima dari para penjaja adalah ketiadaan kemudahan asas yang dijanjikan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Dato Saravanan.



Sambutan Eidul Adha

12 Disember 2008 – Perayaan Eidul Adha adalah satu lagi acara di mana para penduduk Lembah Pantai dapat bertemu dan beramah mesra. Pejabat Nurul Izzah telah mengadakan acara Qurban Lembah Pantai agar dapat bersama-sama meraikan hari tersebut.



Bersama Pertingkat Keselamatan

28hb September 2011 - Disebabkan kes ragut yang semakin meningkat di kawasan Taman Sri Sentosa, Nurul Izzah telah meminta kerjasama dari pihak polis untuk meningkatkan kekerapan rondaan di kawasan tersebut.



Perayaan Deepavali

24 Oktober 2011 - Dato' Seri Anwar Ibrahim, Nurul Izzah serta pimpinan Pakatan Rakyat termasuk telah turun padang untuk melawat para peniaga dan warga Brickfields, beberapa hari sebelum sambutan Hari Deepavali.

Apa kata mereka?

Nurul Izzah cukup senang dihubungi, dengan Twitter pun boleh. Contohnya: kalau ada jalan berlubang, tweet saja gambar tu pada beliau, dan beliau akan pastikan masalah itu diselesaikan.

Smitha Singam, Lucky Garden, Bangsar

Imbasan Aktiviti 2008-2013



Sambutan Tahun Baru Cina

8 Feb 2009 - Lebih 3,000 penduduk Taman Sri Sentosa telah hadir satu program sambutan Tahun Baru Cina anjuran pejabat YB Nurul Izzah. Sambutan yang sangat menggalakkan ini adalah simbol perpaduan yang dipupuk Pakatan Rakyat.



Khidmat Doktor Percuma

Program Klinik Percuma bulanan anjuran Pejabat Ahli Parlimen Lembah Pantai diadakan di serata Lembah Pantai di mana para pesakit hanya perlu mendaftar untuk mendapatkan khidmat nasihat doktor dan mengetahui status kesihatan mereka, termasuklah tahap tekanan darah, kandungan gula, dan lain-lain.

Saya sokong Nurul Izzah sebab saya mahu perubahan.

Ahmad, Kg Kerinchi, Pantai Dalam

Walaupun kekurangan dana, Nurul Izzah tetap melaksanakan tugas dengan berkesan dan efisyen.

Carolyn Lau, Bangsar



Kempen Keselamatan Jalan Raya

18 Jun 2012 - Program sumbangan 100 topi keledar bersama leaflet panduan keselamatan jalan raya kepada pengguna motosika telah berjalan dengan jayanya di Petronas NPE, Pantai Dalam.



Berkhidmat Untuk Warga Emas

2 Oktober 2011 - Program Jom Shopping adalah lanjutan dari Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE) yang dilancarkan Jun 2008, selepas genap 100 hari Pakatan Rakyat membentuk kerajaan negeri. Warga Lembah Pantai yang dilahirkan di Selangor turut berpeluang meraih manfaat program ini.

Apa kata mereka?

Imbasan Aktiviti 2008-2013



Sumbangan Zakat Yayasan Aman

14 Mei 2012 – Walaupun peruntukan Ahli Parlimen tidak disampaikan terus malah dihalang dari diberi kepada Pejabat Ahli Parlimen, Nurul Izzah tetap berusaha mendapatkan bantuan untuk warga Lembah Pantai. Terima kasih Yayasan Aman!



Program Subsidi Efisyen

12 Mei 2012 – Program MyKasih yang diadakan di Lembah Pantai membantu keluarga-keluarga di sini untuk membeli barang dapur dan meringankan beban mereka serba-sedikit.



Sumbangan Kanopi Untuk Peniaga

16 Mac 2013 - Sumbangan dari Nurul Izzah tidak terhad kepada wang ringgit dan barang dapur, beliau juga ada mengadakan Majlis Sumbangan Kanopi seperti ini di Kampung Pasir, bagi membantu para peniaga di Lembah Pantai.



Sumbangan Yuran Persekolahan

1 Feb 2011 – Nurul Izzah memberikan Sumbangan Bantuan Yuran Persekolahan untuk pelajar-pelajar Sekolah Rendah Agama Sri Pantai di Pejabat Ahli Parlimen setelah dihalang memasuki sekolah ataupun memberikan sumbangan tersebut di perhentian bas berdekatan.

**HARAPAN RAKYAT:
WANITA DIHARGAI**
CARUMAN WANITA MALAYSIA
www.demirakyat.my
DEMI RAKYAT

Antara program-program Pakatan Rakyat untuk wanita muda*:

JATIDIRI - Geran khas penggerak wanita muda

KELUARGA - Kursus perkahwinan percuma

RUMAH - Polisi 'Rumah Pertama Wanita'

EKONOMI – Penubuhan Kolej Beliawanis

KERJAYA – Program Keseimbangan Kerjaya

*senarai lengkap boleh diperolehi dalam leaflet Agenda Wanita Muda

Sepucuk Surat Penduduk Lembah Pantai

Pada 8 April yang lepas, akhbar Malay Mail menyiarkan sebuah artikel yang bertajuk 'Lembah Pantai back to BN?' yang ditulis oleh Nadya Ngui. Alangkah kecewa perasaan tatkala membaca perenggan berikut:

"Peluang Barisan Nasional (BN) untuk mendapatkan kembali kerusi Lembah Pantai kelihatan cerah apa bila pengundi di kawasan parlimen itu mendakwa Ahli Parlimen dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) tidak lagi turun padang selepas kemenangan beliau pada 2008."

Di sini saya ingin menegaskan bahawa ini merupakan sebuah pembohongan yang nyata. Saya sendiri telah melihat betapa berdedikasi dan mesra rakyat Ahli Parlimen Lembah Pantai terhadap penduduk sekitar Taman Bukit Angkasa, terutamanya di Blok 14 di Lembah Pantai.

Pada tahun 2010, saya telah merujuk masalah paip pecah di blok kami kepada pemimpin MIC dan UMNO, tetapi diberitahu bahawa saya perlu merujuk kepada YB Nurul Izzah, kerana kawasan Lembah Pantai adalah menjadi tanggung jawab beliau dan tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan oleh mereka untuk membantu kami. Mereka juga telah mengatakan bahawa kerajaan tidak mempunyai wang untuk membantu menggantikan paip-paip yang telah pecah, suatu masalah yang telah membelenggu penduduk sejak sekian lama. Pegawai daripada Syabas pada masa itu juga telah menyoal kami tentang sokongan terhadap BN jika mereka datang membaiki masalah tersebut.

Jadi, saya telah mengambil nasihat MIC dan UMNO, dan telah berjumpa dengan Nurul untuk mengadu masalah kami ini. Beliau telah berjanji untuk membantu kami, dan membawa isu ini ke Parlimen.

Sepanjang perkenalan saya dengan Nurul dari 2010 ke 2013, saya telah mendapat bahawa beliau mempunyai sifat-sifat terpuji berikut:

- **Menepati Masa:** Walaupun cuaca kadangkala tidak begitu baik, beliau tidak pernah terlepas dengan sebarang pertemuan dengan penduduk.
- **Merendah diri:** Beliau sentiasa menghormati warga emas dengan menundukkan diri. Tutur kata beliau lemah lembut, dan walaupun pun kadangkala situasi agak panas, beliau sentiasa mengawal diri. Semasa lawatan beliau ke rumah, beliau akan terus ke rumah, dan tidak pernah meminta rakyat turun berjumpa, walaupun beliau sedang memberi bantuan.
- **Tidak berkempen:** Beliau tidak pernah berkempen dalam lawatan beliau, dan tidak meminta sesiapa mengundi beliau dalam perjumpaan-perjumpaan kami.
- **Kualiti khidmat lebih dipentingkan:** Walaupun ada sedikit sahaja daripada kami, beliau sering mengambil masa daripada jadual beliau yang sibuk untuk berjumpa dan mendengar keluhan kami.

Hanya selepas pemimpin UMNO melihat Nurul menjalankan tugas beliau dengan baik, barulah mereka mengambil tindakan. Mereka berasa tercabar dengan kehadiran beliau.

Kalau bukan kerana Nurul Izzah, sudah pasti masalah kami tidak akan diselesaikan. Saya terpaksa mencari penaja kami sendiri untuk membayar deposit 20% untuk dana TP1M, dan Blok 14 menjadi blok pertama yang dinaik-taraf sistem paip di Taman Bukit Angkasa pada tahun 2011.

Raja Nong Chik telah mengambil peluang ini untuk menjadi hero dengan mengumumkan pemberian dana untuk membaiki paip 18 blok yang lain. Ini pun hanya diumumkan pada 7 April yang lepas. Kenapa ini tidak diumumkan lebih awal?

Masalah ini sudah berlarutan sejak Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil menjadi Ahli Parlimen Lembah Pantai semenjak tahun 2004. Adakah beliau telah berkhidmat untuk rakyat. Terlalu banyak bukti yang ada menunjukkan beliau tidak pedulikan kebajikan penduduk Lembah Pantai.

Raja Nong Chik juga telah melakukan kesilapan yang besar dalam penyerahan surat hakmilik kepada pemilik rumah. Saya telah diberitahu sekiranya bayaran penyelenggaraan yang tertunggak tidak dibayar, surat hakmilik tidak akan diserahkan kepada pemilik.

Pemaju juga telah berkata bahawa Raja Nong Chik cuma memberikan salinan surat hakmilik, dan bukannya salinan asal. Pemilik rumah berasa marah dan seterusnya, beliau telah mengarahkan pejabat tanah untuk mengeluarkan salinan asal surat hakmilik walaupun masih terdapat banyak bayaran penyelenggaraan yang masih belum dikutip.

Pemilik-pemilik ini adalah pemimpin UMNO dan MIC yang tidak menghadiri penubuhan Badan Pengurusan Bersama termasuklah Abdul Rashid Abdul Rahman, bekas Pengerusi SPR yang mempunyai sebuah cybercafe/restoran di Blok 14 dan mempunyai jumlah hutang penyelenggaraan yang besar yang masih perlu dibayar kepada pemaju.

Pemaju berkenaan, Nakkon (M) Sdn Bhd pada masa ini dibiayai oleh UOA kerana Nakkon tidak lagi mempunyai dana untuk menjalankan operasi mereka. Blok 14 juga tidak dijemput oleh UMNO untuk menghadiri sebuah mesyuarat Ketua Blok yang lain dengan Pejabat Tanah kerana mereka tahu yang saya akan membangkitkan isu tersebut sekiranya surat hakmilik dikeluarkan tanpa perlu dilangsangkan bayaran penyelenggaraan. Ini adalah kerana Nakkon telah mengeluarkan surat amaran daripada peguam kepada penduduk Blok 14 untuk membayar sebarang bayaran yang masih lagi tertunggak .

Kepada mereka yang gagal membayar, mereka telah didenda sebanyak RM150. Nakkon tidak mengeluarkan sebarang amaran kepada blok-blok lain kerana ketua-ketua blok-blok ini terdiri daripada pemimpin UMNO dan MIC. Dalam pandangan saya, ini merupakan politik yang kotor.

Dalam isu gerai-gerai haram di sekitar Taman Bukit Angkasa, Raja Nong Chik memberitahu saya, "*Undi BN dulu, sekiranya kami menang, selepas pilihanraya kami akan selesaikan.*"

Saya telah melaporkan kes-kes ini kepada DBKL, tetapi mereka gagal bertindak kerana mereka-mereka ini diketuai oleh pemimpin UMNO dan bernaung dibawah Persatuan Penjaja.

Nurul terus memberikan khidmat kepada Blok 14 dengan klinik-klinik percuma, yang tidak disenangi oleh pemimpin UMNO dan MIC. Apabila saya menjemput kedua-dua pemimpin iaitu Nurul Izzah dan Raja Nong Chik untuk berdialog dengan penduduk pada tarikh yang berlainan, Nurul menerima jemputan, tetapi Raja Nong Chik menolak dengan alasan beliau "sibuk".

Apabila Nurul datang pada 17 Februari 2013, sebuah majlis pengebumian sedang berlangsung. Walaupun saya telah mendapat persetujuan daripada keluarga simati, namun ada beberapa orang yang membantah. Tanpa berfikir panjang, Nurul meminta maaf dan menangguhkan ceramah beliau bagi menghormati keluarga tersebut.

Ini menunjukkan betapa tinggi budi pekerti Nurul Izzah. Seminggu selepas itu Raja Nong Chik telah mengadakan sesi minum teh bersama penduduk di kawasan Blok 14, tercabar dengan kehadiran Nurul Izzah.

Secara ringkas, Raja Nong Chik dan pemimpin-pemimpin BN yang lain cuma akan bertindak sekiranya Nurul turun ke padang. Saya percaya, sekiranya Nurul tidak sentiasa mengambil perhatian terhadap masalah penduduk setempat, masalah kami akan sentiasa berlarutan hingga ke hari ini. Kehadiran Nurul Izzah telah membawa harapan baru untuk peningkatan kualiti hidup kami di Taman Bukit Angkasa.

Terima kasih YB Nurul Izzah. Kami semua terhutang budi kepada anda.

*Diterjemah daripada artikel **A blatant lie about Nurul Izzah** tulisan **Rebecca Jane Thomas** pada **10/4/2013***

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2013/04/10/a-blatant-lie-about-nurul-izzah/>

MANIFESTO RAKYAT

PAKATAN HARAPAN RAKYAT




RUMAH
MAMPU
MILIK

RM150,000



HAPUS
AES

BATAL SAMAN AES



TURUN
HARGA
MINYAK



CAJ
ELEKTRIK
RENDAH



PENDIDIKAN
PERCUMA

HAPUS
PTPTN



KEMUDAHAN
KESIHATAN
ASAS
PERCUMA




CAJ AIR
RENDAH



BANTUAN
KEBAJIKAN
MASYARAKAT



TURUN
HARGA
KERETA



TUTUP
LYNAS



HAPUS
TOL

Aspirasi Lembah Pantai

Setiap perjalanan bermula dengan langkah pertama, dan saya begitu terharu dan rasa amat bertuah kerana pada 2008 sebagai langkah pertama, saya telah diberikan mandat mewakili anda.

Selain daripada tawaran yang dibuat di dalam Manifesto Pakatan Rakyat peringkat nasional, saya juga ingin menawarkan beberapa program khas untuk warga Lembah Pantai.

Aspirasi saya untuk Lembah Pantai adalah agar Lembah Pantai dibangunkan sebagai Nadi Kota Kuala Lumpur dan sebagai Penanda-Aras pembangunan masyarakat bandar yang mampan.

Saya percaya Lembah Pantai akan terus maju dengan:

Perumahan untuk Semua

- melaksanakan Skim Sewa-Hingga-Milik Tanpa Faedah (0%) untuk pembelian unit rumah PPR
- menubuhkan Koperasi Penduduk untuk perkukuh hak milik perumahan terutamanya di kawasan PPR, agar penilaian harga tanah paling maksimum dinikmati
- wifi percuma di seluruh Lembah Pantai
- menjamin perkhidmatan polis mencukupi

Peluang Perniagaan dan Pekerjaan Saksama

- mewujudkan skim bantuan mikro kredit
- membangunkan sektor pelancongan bandar
- menubuhkan Pusat Kerjaya Lembah Pantai untuk bantu golongan belia mencari kerja
- memulakan Program Latihan Perintis Belia

Perkhidmatan Mesra Masyarakat

- memperluas skim bantuan masyarakat dengan kerjasama badan-badan seperti MyKasih melalui model usahasama
- menyediakan Pusat Penjagaan Kanak-kanak



Pendidikan Berkualiti

- pendidikan percuma dan pemansuhan hutang PTPTN
- menggandakan kemudahan pra-sekolah
- mewujudkan Skim Tambahan Sesi Khas: tambahan sesi pembelajaran selama 45 min sehari untuk meningkatkan pencapaian pendidikan
- menubuhkan Sek Men Berasrama Penuh untuk 30% pelajar keluarga berpendapatan rendah, khusus di Lembah Pantai
- membina Sekolah Menengah dan Kolej Vokasional khusus untuk warga Lembah Pantai
- melaksanakan program 'Pendidikan dan Kesihatan Masyarakat' bersama IPT seperti UM dan PPUM untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan kehidupan masyarakat

Pusat Khidmat Bersepadu Rakyat

- mewujudkan Kompleks Pusat Khidmat Bersepadu Rakyat yang meletakkan jabatan, agensi, dan program yang dijalankan kerajaan persekutuan dan DBKL serta pejabat ahli parlimen di satu tempat